



**MUZIUM NEGERI KEDAH DARUL AMAN,  
LEBUHRAYA DARUL AMAN,  
BAKAR BATA,  
05100 ALOR SETAR.  
Tel : 04 – 7331162 / Fax : 04 - 7305100**

Permohonan adalah dipelawa daripada **WARGANEGARA MALAYSIA** dan keutamaan kepada rakyat Negeri Kedah Darul Aman yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:-

BIL.	JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	TARAF JAWATAN / BIL. KEKOSONGAN	JADUAL GAJI		
						GAJI MINIMUM (RM)	GAJI MAKSIMUM (RM)	KENAIKAN TAHUNAN (RM)
1.	Pembantu Awam	H11	Kemahiran (H)	Pelaksana	Tetap / 2 kekosongan	1,218.00	2,939.00	80.00

**SYARAT LANTIKAN:**

- i. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) Warganegara Malaysia;
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3):-
    - memperoleh sekurang-kurangnya Gred 'E' dalam lima (5) mata pelajaran termasuk Matematik;

**ATAU**

- (d) Penilaian Menengah Rendah (PMR):-
  - memperoleh sekurang-kurangnya Gred 'D' dalam lima (5) mata pelajaran termasuk Matematik.
- (e) Lulus dengan **kepujian** bagi Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Pentaksiran Tingkatan 3 / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **DESKRIPSI TUGAS :**

- (i) Menjalankan tugas-tugas membersihkan dan menjaga lanskap (memotong rumput, memangkas pokok dan lain-lain);
- (ii) Memastikan pokok-pokok bunga disiram, digembur dan dibaja;
- (iii) Berkemahiran mengendalikan mesin rumput dan mesin pangkas;
- (iv) Membantu menyediakan pameran luar, khas dan sedia ada; dan
- (v) Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.

## **PERMOHONAN:-**

Permohonan bolehlah dibuat melalui Borang MNK 1/2021 yang boleh didapati di Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia, Pejabat Muzium Negeri Kedah Darul Aman dengan harga RM2.00 sekeping. Borang yang lengkap diisi hendaklah ditulis nama jawatan di bahagian atas sebelah kiri sampul surat dan dihantar ke alamat berikut:-

**PENGARAH,  
MUZIU M NEGERI KEDAH DARUL AMAN,  
LEBUHRAYA DARUL AMAN,  
BAKAR BATA,  
05100 ALOR SETAR,  
KEDAH DARUL AMAN.**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN:- 12 April 2021 (Isnin) sebelum jam 5.00 petang**

## **PERHATIAN KEPADA PEMOHON:-**

1. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport, salinan kad pengenalan, sijil kelahiran, sijil-sijil persekolahan, sijil berhenti sekolah, kelulusan akademik dan dokumen-dokumen lain yang **telah diakui sah**;
2. Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat di atas akan ditolak
3. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga;
4. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya; dan
5. Pentadbiran Muzium Negeri Kedah Darul Aman tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.

/wj.